

15 JAN 2003

Syed Razak-Warta

KEDAH SEDIA WARTAKAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

ALOR STAR, 15 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Kedah bersedia untuk mewartakan undang-undang keluarga Islam bagi menyelesaikan dakwaan berlakunya perundangan Islam tidak seragam termasuk mengenai poligami.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini berkata namun proses untuk mewartakan undang-undang itu memerlukan masa sebab perlu dilakukan secara berperingkat.

"Kita menerima baik untuk mewartakan undang-undang itu, tetapi pelaksanaannya perlukan masa kerana mengikut prosedur tertentu," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Exco di sini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat.

Syed Razak diminta mengulas mengenai arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mahukan kerajaan negeri mewartakan undang-undang terbabit termasuk mengenai poligami bagi menyelesaikan dakwaan berlakunya ketidakseragaman.

Dr Mahathir berkata soal penyeragaman sebenarnya tidak timbul, malah ia telah selesai sebab undang-undang berkenaan sudah diterima Majlis Raja-Raja.

Syed Razak berkata undang-undang keluarga Islam sememangnya telah ada dan hanya menunggu pelaksanaan.

"Jabatan Agama Islam Negeri perlu menyediakan laporan berkaitan undang-undang itu sebelum menyerahkan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk kajian sebelum diwartakan," katanya.

Sementara itu, Abdul Rafie berkata setakat semalam sebanyak 6,000 pelajar Sekolah Agama Rakyat di seluruh negara telah mendaftar untuk belajar di sekolah-sekolah kementerian.

"Daripada jumlah itu, 1,500 orang adalah dari Kedah dan ini merupakan permulaan yang baik. Saya yakin jumlah ini akan bertambah dan penerangan kepada ibu bapa berkaitan kebaikan belajar di sekolah kementerian akan diteruskan," katanya.

-- BERNAMA

IAW MAN HM